

Kuantan: Tidak timbul soal penuntut ikat perut di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kerana pihak tiada sebarang laporan atau aduan daripada penuntut yang berdepan masalah kewangan.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya mengambil berat kebijakan penuntut dan sehingga tahun lalu, RM323,438 dibelanjakan menerusi Bantuan Tabung Kebajikan Pelajar.

Malah beliau juga meminta semua warga universiti termasuk Majlis Perwakilan Pelajar Pelajar (MPP) dan Exco Kebajikan di peringkat

Tiada laporan penuntut UMP berlapar

HARIAN METRO
18 JAN 2016 (SETEMPAT) M/S 4
fakulti memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) se-

kiranya ada penuntut ke-
sempitan wang.

"Setakat pengetahuan kami, tiada penuntut UMP berdepan isu ikat perut dan kami sentiasa meminta setiap warga universiti, sama ada kakitangan akademik atau penuntut melaporkan jika ada penuntut berdepan masalah kewangan," kata-

nya pada sidang media di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Naib

Canselor HEPA Prof Datuk Dr Yusarie Zainuddin dan Yang Dipertua MPP UMP Madyasir Ahmad Basir.

Dr Daing Nasir berkata, UMP mempunyai pelbagai program membantu pelajar seperti Program Kongsi Rezeki: Cheap Lunch Take Away dengan menawarkan makanan tengah hari bernilai RM5 pada harga RM1 kepada penuntut.

Katanya, program itu lima kali seminggu di Kampus Gambang dan Pekan mem-

babitkan penyediaan 500

bungkusan makanan.

"Program ini antara yang paling mendapat sambutan dan kita bercadang menyediakan makan malam pula selepas ini," katanya.

Sementara itu, Yusarie berkata, bagi penuntut yang mahu menambah pendapatan dengan bekerja sambil belajar, mereka boleh menyertai Skim Pelajar Bekerja (SKB).

Katanya, melalui SKB, penuntut boleh melakukan kerja sampingan di perpus-takaan universiti atau fakulti berkaitan tanpa mengganggu

jadual kuliah.

"Tahun lalu, kita membelanjakan RM29,887 untuk membayar eluan kepada 43 penuntut yang menyertai SKB dan selain itu, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) turut memainkan peranan melalui Program Jelajah Asnaf bagi mengenal pasti penuntut UMP daripada Skim Pelajar Bekerja (SKB)."

"Malah Program Iftar Jamei setiap kali Ramadan juga membantu penuntut menjimatkan belanja sepanjang bulan puasa," katanya.



DR DAING NASIR